



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

JABATAN PENGAJIAN TINGGI

KETUA PENDAFTAR

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

ARAS 9, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5,
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Tel : (603) 8870 4090/6381 Faks : (603) 8870 6840 Web : <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. kami : JPT/GS1000-606Jld.1 (28)

Tarikh : 22 Julai 2013

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pengajian Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING MENGENAI PENGGUNAAN STANDARD SIJIL SISWAZAH DAN DIPLOMA SISWAZAH UNTUK PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BERSTATUS TERBUKA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, satu surat bertajuk "Makluman Pelaksanaan Moratorium Penawaran Program Sijil dan Diploma Siswazah Baharu" telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 12 Disember 2012. Pelaksanaan moratorium tersebut bagi membolehkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menjalankan kajian menyeluruh dari aspek jaminan kualiti terhadap dasar sedia ada dalam usaha untuk terus memantapkan pelaksanaan program ini oleh pemberi pendidikan tinggi (PPT).

3. Justeru itu, berdasarkan hasrat tersebut, MQA telah membangunkan standard sijil siswazah dan diploma siswazah untuk dijadikan panduan kepada PPT yang berhasrat mengendalikan program seumpama ini. Dokumen standard yang dibangunkan memberi penerangan mengenai tujuan, tahap, kredit, tempoh pengajian, syarat kelayakan masuk, hasil pembelajaran dan artikulasi.

4. Sehubungan itu, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 2/2013 bertarikh 15 Jun 2013 telah bersidang dan memutuskan bahawa sebagai pemulaan penawaran program ini hanya kepada PPT berstatus terbuka berdasarkan justifikasi seperti berikut:



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO.: AR 5006

- i. Program ini merupakan salah satu kelayakan yang menyokong laluan pendidikan sepanjang hayat serta sistem pengajian secara terbuka yang sesuai ditawarkan oleh PPT berstatus terbuka.
- ii. Memberikan peluang untuk mengenal pasti dan menyelesaikan sebarang isu baru yang timbul berikutan penawaran program ini.

5. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen sijil siswazah dan diploma siswazah ini adalah seperti butiran berikut:

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	01 Ogos 2013 sehingga 31 Julai 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Ogos 2013	<ul style="list-style-type: none"> • Semua program baru yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya. • Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian. • Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Ogos 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia dikeluarkan. Untuk makluman, dokumen standard ini boleh dimuat turun di laman web MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. MORSHIDI BIN SIRAT)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Menteri Pendidikan Malaysia

Menteri Pendidikan Malaysia II

Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Setiausaha

Ketua Setiausaha II

Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)

YB. Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
(u/p: Pn. Salwani Bt Abdullah)

Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia